

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.4, NO.10 HINGGA 54)
(JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 7 DIJAWAB BERSEKALI
DENGAN SOALAN NO. 45)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No. 4
PR-1323-L63642

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]

TARIKH : 28 OKTOBER 2014

SOALAN : Dato' Kamarudin bin Jaffar
[Tumpat] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan adakah
Kerajaan bercadang membuka
pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di
Istanbul memandangkan pentingnya
kota itu untuk rakyat dan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Tumpat ke atas soalan yang dikemukakan iaitu sama ada Kerajaan bercadang untuk membuka pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Istanbul memandangkan pentingnya kota itu untuk rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri sedang mengkaji kemungkinan untuk membuka Pejabat Konsulat Jeneral di Istanbul mengambil kira kedudukan kota Istanbul yang kian berkembang sebagai sebuah hab di rantau Asia Barat.

3. Sempena ulangtahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik, Malaysia dan Turki telah bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala kepada tahap strategik seperti yang terkandung di dalam *Joint Declaration on the Framework for Strategic Cooperation* yang ditandatangani semasa lawatan Perdana Menteri Turki ke Malaysia pada 10 Januari 2014.

4. Malaysia dan Turki juga telah menetapkan sasaran meningkatkan nilai perdagangan dua hala kepada USD5 bilion dalam masa 5 tahun daripada RM3.45 bilion (USD1.1 bilion) pada tahun 2013 dan telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (FTA) pada 17 April 2014. Peningkatan kerjasama duahala ekonomi ini akan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti tersebut terutamanya di kota Istanbul yang merupakan pusat komersil Turki.

4. Selain peningkatan aktiviti-aktiviti ekonomi, semakin ramai rakyat Malaysia mengunjungi Turki, terutamanya kota Istanbul. Pada tahun 2013, seramai 55,139 pengunjung daripada Malaysia telah melawat Turki berbanding dengan 41,000 pada tahun 2012. Jumlah ini dijangka akan meningkat lagi setelah Turkish Airlines menambahkan kekerapan penerbangan sektor Istanbul-KL daripada 4 penerbangan kepada 7 penerbangan seminggu bermula 28 April 2014 yang lalu.
5. Mengambil kira faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Luar Negeri sedang meneliti perkara ini secara aktif dengan mengkaji pelbagai aspek sebelum satu keputusan yang sewajarnya diambil untuk pertimbangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.